

18 SEP 1998

Desa-Wawasan

DESA WAWASAN ADALAH PROGRAM PEMBANGUNAN KAMPUNG UNTUK SEMUA ASPEK

MARANG, 18 Sept (Bernama) -- Program Desa Wawasan yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah untuk membangunkan kawasan kampung di negara ini dalam semua aspek, katan Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Beliau berkata setakat ini kerajaan telah mengujudkan sebanyak 137 buah desa wawasan di seluruh negeri dan berusaha untuk memastikan semua kampung di negeri ini akan dilaksanakan pelbagai program dalam desa wawasan.

Terengganu mempunyai lebih 800 buah kampung meliputi tujuh daerah.

"Pengujudan desa wawasan itu adalah usaha kerajaan untuk mengujudkan kawasan kampung yang maju dalam semua aspek seperti, pendidikan, sosial dan ekonomi yang mampu memberikan manfaat kepada penduduknya," katanya ketika merasmikan program Desa Wawasan di kampung Surau Hj Daud dekat Bukit Payong di sini, semalam.

Beliau berkata program itu juga adalah untuk mendidik penduduk kampung untuk menguruskan sendiri pembangunan di kawasan kampung mereka dengan bimbingan daripada kerajaan.

Katanya jika penduduk di kampung tersebut aktif, rajin berusaha untuk memajukan diri serta mempunyai motivasi tinggi kampung mereka akan membangun, tetapi jika sebaliknya, kampung mereka berada di tahap lama dan mundur.

Wan Mokhtar berkata, selain itu program tersebut juga sebagai saluran pihak kerajaan untuk memajukan kampung serta membolehkan pelbagai agensi kerajaan seperti pusat kesihatan, pertanian dan sebagainya memberikan khidmat yang baik kepada rakyat.

Beliau berkata setakat ini beliau berpuashati dengan program-program yang dijalankan di desa-desa wawasan tetapi ia perlu dipertingkatkan lagi dari aspek pendidikan.

"Oleh itu, kita menggalakkan supaya setiap kampung mempunyai Tabung Pendidikannya sendiri dan inisiatif menabung itu dapat membantu pelbagai program pendidikan dilaksanakan di situ," katanya.

Wan Mokhtar berkata setakat ini semua kampung telah mengujudkan tabung pendidikan masing-masing yang telah dilancarkan sejak tahun lepas dengan jumlah tabungan antara RM800 dan RM8,000.

Beliau berkata program itu juga adalah sebahagian daripada projek satu kampung satu produk yang disarankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi dan Pendidikan Tinggi negeri Datuk Dr Abdul Latiff Awang yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Bukit Payong serta kira-kira 200 orang penduduk kampung tersebut.

-- BERNAMA

sbs WAT